



PEMBERITAHUAN

BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) YANG DIKUTIP OLEH KOPERASI KEPADA KERAJAAN

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mendapati terdapat sebilangan koperasi tidak membayar balik cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dikutip oleh koperasi kepada Kerajaan.

Walaupun Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [Akta 805] berkuat kuasa pada 1 September 2018, Suruhanjaya ingin mengingatkan koperasi bahawa GST yang dikutip di bawah Akta 762 yang dimansuhkan bukanlah merupakan pendapatan tambahan kepada koperasi sebaliknya adalah kutipan yang perlu dibayar balik kepada Kerajaan kerana Akta 762 yang dimansuhkan itu masih terpakai kepada koperasi.

Berdasarkan subseksyen 4(1) Akta 805, apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh koperasi boleh dikuatkuasakan dan apa-apa cukai GST yang genap masa, yang terlebih bayar atau yang terkhilaf bayar boleh dipungut, dibayar balik atau diremitkan di bawah Akta 762 yang dimansuhkan seolah-olah Akta 762 yang dimansuhkan itu tidak dimansuhkan seperti yang berikut:

"Penerusan liabiliti, dsb.

4. (1) *Walaupun Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dimansuhkan-*

(a) apa-apa liabiliti yang ditanggung boleh dikuatkuasakan; atau

(b) *apa-apa cukai barang dan perkhidmatan yang genap masa, yang terlebih bayar atau yang terkhilaf bayar boleh dipungut, dibayar batik atau diremitkan, di bawah Akta yang dimansuhkan seolah-olah Akta yang dimansuhkan itu tidak dimansuhkan.*".

"*Liabiliti*" dalam perenggan 4(1)(a) Akta 805 merujuk kepada liabiliti di bawah Akta 762 yang dimansuhkan, antaranya untuk meremit kutipan GST kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia selaku agensi yang bertanggungjawab mengenai kutipan GST bagi pihak Kerajaan.

Oleh itu Koperasi hendaklah meremit kutipan cukai GST kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan koperasi untuk meremit kutipan GST kepada Kerajaan adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta 762 yang dimansuhkan.

Kegagalan koperasi untuk meremit kutipan GST tersebut juga akan menjadi suatu hutang sivil oleh koperasi kepada Kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 46(1) Akta 762 yang dimansuhkan seperti yang berikut:

"Mendapatkan cukai, dsb., sebagai suatu hutang sivil

46. (1) *Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain dan walau apa pun apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah seksyen 126, apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa surcaj yang terakru, atau apa-apa penalti fi atau apa-apa wang lain kena dibayar di bawah Akta ini boleh didapatkan oleh Menteri sebagai satu hutang sivil yang terhutang kepada Kerajaan."*

Kegagalan koperasi untuk meremit cukai GST tersebut boleh mengakibatkan koperasi dikenakan tindakan perundangan (sivil dan jenayah) oleh pihak Kerajaan.